

# **Keberkesanan Penggunaan Alat Bantu Mengajar Berbantuan Komputer Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Subjek Kemahiran Hidup (KH) Di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kedah, Alor Star, Kedah.**

Yahya Bin Buntat & Noor Al Mahdin Bin Mohamad  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia

**Abstrak:** Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mendapatkan maklumat dari responden yang terdiri daripada pelajar tentang keberkesanan penggunaan ABMBK di dalam pengajaran guru. Satu set soal selidik digunakan untuk mengumpulkan data kajian. Sampel kajian ini melibatkan seramai 80 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar lelaki seramai 32 orang dan pelajar perempuan seramai 48 orang dari tingkatan 3, 4 dan 5. Kajian dibataskan kepada empat faktor yang mempengaruhi keberkesanan pengajaran dan pembelajaran matapelajaran Kemahiran Hidup, yang meliputi faktor guru, pelajar, alat bantu mengajar dan infrastruktur. Hasil kajian diproses menggunakan *Stastical Packages for the Social Sciences* (SPSS) versi 13.0 dalam bentuk frekuensi dan peratusan. Kajian ini mendapati kesemua faktor tersebut kurang mempengaruhi keberkesanan kepada proses pengajaran dan pembelajaran. Pengkaji mencadangkan kajian lanjutan berfokus kepada faktor yang mempengaruhi keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran

*Katakunci:* keberkesanan penggunaan ABMBK, pengajaran guru

## **Pengenalan**

Alat Bantu Mengajar Berbantuan Komputer (ABMBK) adalah sebahagian daripada alat atau Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang kini mendapat perhatian yang begitu serius di kalangan para pendidik, pentadbiran sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan dan seterusnya Kementerian Pelajaran Malaysia. Alat ini begitu sinonim di dalam era teknologi pendidikan dewasa ini.

Objektif dan matlamat akan tercapai apabila pautan kuat antara guru, pelajar dan bahan bantu mengajar (BBM) semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Seorang guru juga perlu mempunyai persediaan dan pengetahuan dalam pengendalian bahan . Di samping itu, alatan yang bermutu juga memainkan peranan dalam keberkesanan pengajaran seorang guru. Ini bertepatan dengan pernyataan yang dikeluarkan oleh Kamarul, (2003), proses penyediaan sesuatu BBM, seorang guru itu terpaksa menjalankan pelbagai kajian yang benar-benar bermanfaat kepada guru dan pelajar.

## **Pernyataan Masalah**

Pemahaman konsep di dalam sesuatu topik yang diajar adalah sesuatu yang mustahak. Pelajar yang tidak pernah melihat hanyalah berimaginasi. Jika imaginasi mereka baik maka mereka dapat memanfaatkan secara berkesan. Bagi pelajar yang mempunyai pengalaman yang sedia ada, mereka tidak menghadapi masalah dan daya imaginasi mereka disokong dengan pengetahuan ini. Hanya pelajar yang tidak mempunyai pengalaman sedia ada sahaja yang menghadapi masalah. Mereka tidak dapat bayangkan apa yang mereka perlu tahu. Pelajar juga tidak dapat membantu mereka.

Di sini keberkesanan penggunaan ABMBK dan teknologi yang canggih memudahkan penggunaan dan penyediaan untuk digunakan di hadapan pelajar kelak. Penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran akan dapat meningkatkan lagi kefahaman pelajar. Oleh itu kajian ini dijalankan untuk melihat keberkesanan penggunaan ABMBK dalam pengajaran dan pembelajaran dari aspek sikap dan

minat pelajar, keupayaan guru, kepenggunaan ABMBK dan kemudahan infrastruktur yang disediakan di sekolah dari perspektif pelajar SMKA Alor Star Kedah.

### **Objektif Kajian**

- a. Mengetahui tahap kemahiran dan kesediaan guru dalam penggunaan ABMBK.
- b. Mengenal pasti minat pelajar terhadap penggunaan ABMBK di dalam pembelajaran.
- c. Mengenap pasti kepenggunaan ABMBK semasa proses pengajaran dan pembelajaran.
- d. Mengetahui kemudahan infrastruktur bagi kegunaan ABMBK yang disediakan di sekolah.

### **Kepentingan Kajian**

- a. Mengetahui fenomena sebenar tentang penggunaan ABMBK di kalangan guru KH di SMA Alor Star.
- b. Mengumpul data untuk dijadikan sebahagian data dan maklumat tentang tahap kemahiran guru mengendalikan ABMBK.
- c. Membantu guru, sekolah dalam mengenalpasti masalah yang wujud dan menghalang penggunaan ABMBK secara berkesan.
- d. Membantu pihak sekolah, PPD, Jabatan Pendidikan Negeri, Pusat Sumber Pendidikan Negeri meningkatkan mutu dan kualiti ABMBK dan bersesuaian dengan pelajar.

### **Skop Dan Batasan Kajian**

Kajian ini dijalankan terhadap pelajar Tingkatan 3, 4 dan 5. Keseluruhan populasi adalah seramai 418 orang pelajar. Seramai 32 orang pelajar lelaki dan 48 pelajar perempuan diambil sebagai sampel. Jumlah keseluruhan sampel ialah seramai 80 orang. Pelajar ini adalah yang sedang menuntut di Sekolah Menengah Agama Alor Setar, Mergong, Alor Setar, Kedah Darul Aman.

### **Metodologi**

#### **Populasi dan Sampel.**

Populasi dapat ditakrifkan sebagai terhad (finite) dan tidak terhad (infinite). Populasi terhad mengandungi bilangan unit persampelan yang boleh dikira. Sebaliknya populasi yang tidak terhad adalah mengandungi persampelan yang terlalu banyak sehingga tidak dapat dikira dengan tepat, Abu Hassan (1998).

Persampelan yang bertujuan untuk mendapatkan maklumat mengenai beberapa ciri-ciri sifat bagi populasi terhad dikenali sebagai sebagai persampelan tinjauan ( Abu Hassan 1998).

Di dalam kajian ini, populasi adalah terdiri daripada pelajar tingkatan 3,4 dan 5. Mereka adalah pelajar lelaki dan perempuan. Jumlah populasi mereka adalah seramai 418 orang. Seramai 32 orang pelajar lelaki dan 48 orang pelajar perempuan. Sampel adalah diambil secara rawak mudah di dalam setiap tingkatan tanpa mengikut jantina yang ditetapkan. Pengambilan sejumlah sampel demikian kerana Gay (1981), menyatakan bahawa persampelan yang diambil secara diskriptif hanyalah melibatkan sejumlah 10 peratus minima daripada jumlah populasinya.

Rasional pengambilan secara rawak sedemikian ialah kerana mereka diajar oleh 2 orang guru Kemahiran Hidup yang berlainan. Selain itu tahap pemahaman mereka juga berbeza. Perbezaan ini wujud kerana setiap kelas adalah mempunyai tahap penguasaan berbeza. Mereka disusun mengikut tahap kecemerlangan dalam peperiksaan. Oleh yang demikian, kelas hadapan adalah kelas yang lebih cemerlang berbanding dengan kelas di belakang. Di samping itu juga mereka adalah datang dari seluruh Negeri Kedah. Justeru itu mempunyai corak latarbelakang yang berbeza. Maka corak pembelajaran dan pengetahuan adalah berbeza.

### **Instrumen Kajian**

Soal selidik yang dijalankan adalah untuk mendapatkan respon dan maklumat daripada responden. Menurut Mohd Najib (1998), adalah lebih berkesan untuk responden bertindak terhadap rangsangan soalan yang piawai berbanding dengan kaedah temubual. Ini kerana kaedah temubual yang akan dijalankan akan mempengaruhi pengkaji.

Instrumen yang dirangka adalah terbahagi kepada dua, iaitu bahagian A dan B. Bahagian A adalah instrumen yang berkaitan dengan diri responden. Terdapat 6 item pada bahagian ini. Pelajar atau responden hanyalah perlu menandakan di dalam ruangan yang disediakan. Tujuan pembinaan item sebegini adalah bertujuan merangsang responden memberi maklumat dengan lebih tepat kerana kerahsiaan jawapan mereka adalah tinggi.

Manakala bahagian B ialah soalan-soalan yang perlu dijawab oleh pelajar. Pembinaan item adalah berdasarkan kepada objektif kajian serta faktor yang mempengaruhi keberkesanan penggunaan ABMBK di dalam pembelajaran dan pengajaran.

Semua pembinaan soalan adalah diselaraskan penggunaan jawapan. Ini memudahkan responden memberi respon berdasarkan penilaian mereka dengan menggunakan skala Likert.

### **Kajian Rintis**

Sebelum menjalankan kajian secara kajian yang sebenar, kajian rintis perlu dijalankan. Tujuan kajian rintis ini adalah bertujuan untuk memastikan soalan-soalan yang dibina adalah menepati objektif kajian. Oleh untuk memenuhi syarat tersebut kajian rintis telah pun dijalankan di Sekolah Menengah Agama Alor Star, Kedah.

Jika soalan tersebut menunjukkan tahap yang rendah, maka soalan tersebut perlu dibuang atau diubah semuanya. Jika berada di tahap sederhana soalan tersebut perlu dibuat perubahan, mungkin dari aspek struktur ayat, penggunaan perkataan atau maknanya tidak tepat. Manakala soalan yang baik adalah soalan yang menunjukkan tahap yang tinggi.

Dapatan daripada kajian tersebut soalan kajian selidik telah diproses dengan menggunakan sistem SPSS dan kolerasi seperti di bawah. Dalam sistem ini setiap soalan akan diakses dan dianalisis. Tujuannya adalah untuk mengetahui tahap atau kedudukan soalan yang telah dibina perlu diterima atau dibuang mengikut tahapnya iaitu tahap rendah, tahap sederhana dan tahap tinggi. Hasil kajian mendapati Alpha yang diperolehi ialah 0.9. Maka tahap kepercayaan dan keesahan yang tinggi. Maka keseluruhan item di dalam soal selidik boleh diterima sebagai bahan kajian.

## Keputusan

### Peranan Guru Terhadap Keberkesanan Pengajaran Dan Pembelajaran.

**Jadual 1:** Taburan Peranan Guru Terhadap Keberkesanan Pengajaran Dan Pembelajaran.

No. Item	Item	Tidak Setuju (TS)		Tidak Pasti (TP)		Setuju		Min	Tahap
		<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%		
Dalam usaha guru untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran, guru telah :									
1	menggunakan ABMBK semasa sesi pengajarannya di dalam kelas.	35	43.5	22	27.5	23	28.8	2.77	Sederhana
2	dapat mengendalikan ABM dengan cekap dan berkesan.	11	26.3	29	36.3	30	37.6	3.22	
3	bertambah lancar dalam penggunaan ABM semasa sesi pengajarannya.	29	36.3	17	21.3	34	42.5	3.11	
4	menggunakan kreavitinya sendiri dalam pembinaan ABMBK.	29	36.3	26	32.5	25	31.3	2.87	
5	membuat penambahbaikan ke atas ABM supaya sentiasa terkini.	35	43.8	16	20.0	29	36.3	2.80	
6	membuat sesi induksi dengan penayangan di awal pengajarannya.	27	33.8	8	10.0	45	56.3	3.31	
7	memperbagaikan jenis ABMBK setiap kali sesi pengajaran.	41	51.3	20	25.0	19	23.8	2.61	
8	Pada akhir pengajaran, guru akan menayangkan semula sebagai pengukuhan pembelajaran kami.	38	47.6	17	21.3	25	31.3	2.68	
9	menggunakan ABMBK yang bertepatan dengan objektif pelajaran.	27	33.8	19	23.8	34	42.5	3.17	
10	mengajukan soalan kepada kami berkaitan ABM yang digunakannya	26	29.6	11	13.8	43	53.8	3.27	
Min Keseluruhan								3.27	Sederhana

## Respon Pelajar Terhadap Keberkesanan Pengajaran Dan Pembelajaran.

**Jadual 2:** Taburan Respon Pelajar Terhadap Keberkesanan Pengajaran Dan Pembelajaran.

Item	Perkara	TS		KS		S		Min	Tahap
		f	%	f	%	f	%		
Dalam usaha saya untuk meningkatkan keberkesanan pembelajaran di dalam kelas saya :									
12	telah menanamkan sifat sendiri yang dapat membantu meningkatkan lagi kefahaman saya.	11	13.8	23	28.8	45	56.3	3.77	Tinggi
11	telah berinteraksi dengan ABMBK untuk membantu meningkatkan lagi kefahaman saya.	26	32.6	23	28.8	31	38.8	3.14	Sederhana
13	dapat meminjam ABMBK daripada guru dengan mudah.	36	45.1	29	36.3	15	18.8	2.50	
14	dapat menggunakan ABMBK dengan panduan yang jelas.	33	41.3	27	33.8	20	25.1	2.70	
15	dapat memperbaiki komunikasi dengan guru secara berkesan.	37	46.3	24	30.0	19	23.8	2.65	
16	dapat memperbaiki komunikasi dengan rakan-rakan secara berkesan.	30	37.5	26	32.5	24	30.0	2.81	
17	menggunakan ABMBK semasa sesi pengajaran dan pembelajaran.	18	22.6	13	16.3	49	26.3	3.60	Sederhana
18	dapat meningkatkan keyakinan saya terhadap pengajaran guru apabila guru menggunakan ABMBK semasa mengajar.	29	36.3	12	15.0	39	48.8	3.26	
19	mencambahkan dan bertukar idea di antara saya dan rakan-rakan semasa menggunakan ABMBK.	20	25.0	20	25.0	41	50.1	3.31	
20	memberikan tumpuan kepada pelajaran lebih terfokus dengan penggunaan ABMBK berbanding proses pengajaran guru menggunakan papan tulis sahaja.	30	37.5	13	16.3	37	46.3	3.10	
Nilai Min Keseluruhan								3.08	Sederhana

## **Perbincangan**

### **Faktor Guru Yang Mempengaruhi Keberkesanan Pengajaran Dan Pembelajaran.**

Apa yang telah diketahui umum, kejayaan sesuatu perkara yang berlaku adalah bergantung kepada faktor yang wujud secara langsung atau tidak langsung. Begitu juga dengan kejayaan dan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran pelajar di dalam kelas yang diikutinya. Pelajar akan dianggap berjaya apabila seseorang pelajar dapat memahami apa isi kandungan yang diajar oleh gurunya semasa di dalam atau di luar kelas. Maka peranan guru di dalam pengajaran amat penting dalam keberkesanan pengajarannya terhadap pelajarannya. Di dalam kajian yang dijalankan oleh penyelidik, di dapati bahawa guru berada pada tahap sederhana kemahirannya. Apabila guru kurang berkemahiran, ABMBK yang digunakan tidak dapat dioptimumkan penggunaannya. Ketidakecakapan ini mendorong pelajar kepada fenomena yang negatif dan kesannya menjejaskan pembelajarannya. Tanpa pengetahuan yang mendalam ilmu tidak dapat disampaikan secara berkesan (Tajul Ariffin, 1995). Selain dari apa yang ada di dalam dada guru, aspek penggunaan ABMBK juga juga penting. Pelajar akan mempercayai guru apabila seseorang guru dapat mengendalikan ABMBK tersebut secara berkesan dan tidak menimbulkan keraguan kepada pelajar. Pelajar lebih yakin kepada guru yang berwibawa dan berkemahiran dalam mengendalikan ABMBK berbanding dengan guru yang hanya sekadar tahu serba sedikit. Ini bertepatan dengan pernyataan oleh Mok (2000), dari kaca mata pelajar, guru merupakan seorang yang bijaksana, berilmu pengetahuan dan bertabnggungjawab. Mempunyai sahsiah yang baik dan berwibawa. Justeru peranan guru tidak sahaja ilmu di dalam adanya malahan juga respon kepada peralatan yang digunakannya di dalam kelas atau bengkel mahupun makmal adalah sederhana. Kesimpulannya dapatlah dikatakan bahawa responden menyatakan bahawa tahap keberkesanan pengajaran guru di dalam kelas menggunakan ABMBK adalah amat berguna kepada mereka di dalam prose pengajaran dan pembelajaran.

### **Faktor Pelajar Yang Mempengaruhi Keberkesanan Pengajaran Dan Pembelajaran.**

Guru tanpa pelajar dan pelajar tanpa guru adalah situasi yang tidak mungkin wujud di dalam proses pembelajaran dan pengajaran. Kedua-dua watak adalah perlu wujud di dalam waktu yang sama supaya proses pengajaran dan pembelajaran akan wujud. Walaubagaimana pun kedua-dua watak tersebut wujud dan membentuk satu proses pengajaran dan pembelajaran tahap keberkesanan adalah sesuatu yang tidak kita nyatakan tanpa sesuatu yang memberikan satu pernyataan. Hasil kajian menunjukkan bahawa sifat sendiri adalah penting bagi pelajar supaya dapat memajukan diri dan menguasai pelajarannya. Ini bertepatan dengan pernyataan oleh Abu Zahari (1987), minat memainkan peranan yang penting dalam kejayaan sesuatu pembelajaran dan minat dapat mempengaruhi pencapaian seseorang pelajar itu sendiri. Seseorang yang berminat dalam perkara yang dipelajari lazimnya akan menunjukkan pencapaian yang tinggi. Selain itu penggunaan pancaindera sebaik mungkin semasa sesi pembelajaran juga mempengaruhi keberkesanan pembelajaran pelajar. Bagi pelajar yang positif sendiri mereka bijak menggunakannya. Ini disokong oleh kajian yang telah dijalankan Gould-Marks di dalam buku Zarul Akhmar (1993) membuktikan bahawa apabila alat komunikasi digunakan dengan bijak peratus pemahaman adalah sebanyak 30 peratus, dan peratus ingatan ialah 40 peratus. Kesimpulannya, pelajar harus bijak menggunakan alat komunikasi mereka seperti pancaindera sebaik mungkin supaya mereka dapat menguasai pelajaran mereka. Bagi pelajar yang belajar secara sendiri mereka dapat memaksimumkan penggunaan alat komunikasi seperti pancaindera. Mereka dapat memahami pelajaran secara maksima berbanding dengan pelajar yang belajar tanpa sifat sendiri yang tinggi

## **Rumusan**

Setelah kajian di jalankan oleh pengkaji, di dapati semeua pembolehubah yang digunakan oleh pengkaji memberikan satu nilai yag mana menunjukkan bahawa tahap keberkesanan adalah berada pada tahap yang sederhana. Hanaya beberapa item atau tidak sampai 2 peratus yang menunjukkan bahawa tahapnya

adalah pada tahap yang tinggi. Secara keseluruhannya empat faktor yang digunakan hanya memberikan penyumbang yang sederhana di dalam proses pengajaran dan pembelajaran pelajar di dalam matapelajaran KH di sekolah ini.

Halangan yang ditunjukkan daripada analisa dan rumusan memberikan impak kepada pelajar. Seperti yang kita tahu pelajar adalah satu helai kain putih yang perlu dicorakkan oleh guru supaya menjadi corak yang cantik dan berguna. Untuk membentuk corak yang cantik dan berguna bukanlah satu kerja yang mudah. Faktor yang wujud secara langsung dan tidak langsung adalah sesuatu yang tidak dapat kita leraikan. Sesuatu yang wujud ada sebab dan musibahnya. Janganlah jadikan ia sebagai satu halangan untuk membentuk sesuatu yang kita impikan. Setiap penyakit ada ubat dan penawarnya. Demikian juga dengan kemujudan masalah di dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Masalah yang wujud ini perlu kita tangani segera supaya ia tidak menjadi satu wabak yang akan mengeruhkan dan menggelapkan masa depan pelajar. Oleh itu gandingan bahu antara pelajar, guru dan pihak sekolah amat perlu.

Keperihatinan guru dan pihak sekolah amat penting supaya tahap keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dapat ditingkatkan. Pihak sekolah boleh melakukan program motivasi untuk guru bersama pelajar. Perhubungan yang rapat antara pelajar dan guru akan memudahkan guru berinteraksi. Secara tidak langsung dapat membantu pelajar untuk belajar. Mereka tidak segan atau kekok apabila berhadapan dengan guru. Kesannya pelajar dapat belajar seolah-olah mereka belajar bersama kawan atau bersama ahli keluarga mereka sendiri. Akhirnya mereka dapat menambahkan pengetahuan melalui pengalaman dari interaksi yang positif ini.

Oleh itu dari kajian yang dijalankan, di dapati faktor-faktor yang dibincangkan memberikan sedikit sumbangan dan hanya memberikan tahap keberkesanan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran pada tahap yang sederhana. Faktor-faktor ini sememangnya perlu digilapkan dan dicarikan jalan penyelesaian supaya pelajar dapat belajar dan memberi impak yang lebih positif di dalam pelajaran mereka.

Corak penyelesaian masalah bolehlah menggunakan cadangan-cadangan yang diberikan oleh pengkaji. Tujuannya adalah untuk meningkatkan tahap keberkesanan pelajar di dalam proses pembelajaran mereka. Mungkin wujud beberapa kemungkinan yang tidak dapat diuraikan oleh pengkaji yang menyebabkan tahap keberkesanan berada pada tahap yang sederhana ini. Oleh itu cadangan kajian lanjutan yang diutarakan oleh pengkaji mungkin dapat menjelaskan lagi permasalahan yang wujud yang tidak diketemui oleh pengkaji pada kali ini. Semoga respon positif daripada kajian ini dapat memperbaiki mutu pelajaran matapelajaran KH di sekolah ini dan juga di sekolah beraliran agama di seluruh negara.